

29/03/2000

PM sampaikan anugerah APMITTA

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga penaung Anugerah Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Asia Pasifik (APMITTA) dijangka akan menyampaikan anugerah berkenaan pada 31 Mac ini.

Acara berkenaan yang juga melambangkan sumbangan terhadap pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) sepatutnya diadakan pada November tahun lalu tetapi terpaksa ditunda tahun ini disebabkan pilihan raya umum ketika itu.

"Dr Mahathir sudah bersetuju untuk hadir pada acara itu dan seterusnya menyampaikan secara anugerah kepada pemenangnya," menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh pejabat Perhubungan Awam, Multimedia Development Corp. (MDC), di sini, baru-baru ini.

Anugerah APMITTA ini adalah pertama kali diadakan di Malaysia untuk menghargai inovasi serta kreativiti syarikat IT dan telekomunikasi yang beroperasi di negara ini.

Di samping itu ia juga menghargai orang perseorangan, pelajar, usahawan dan sektor enterpris kecil dan sederhana (SME).

Sebanyak 30 daripada 197 penyertaan berjaya memasuki pertandingan akhir bagi 10 kategori antaranya aplikasi terbaik dalam pembelajaran bestari; rumusan terbaik dalam teleperubatan dan aplikasi perisian terbaik.

Kategori lain termasuk pembangunan kandungan terbaik; aplikasi e-Kerajaan terbaik; syarikat baru terbaik; produk komersil industri terbaik; rumusan kad pelbagai guna terbaik; teknologi komunikasi tambah nilai terbaik dan projek pelajar terbaik.

Selain APMITTA peringkat kebangsaan, Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada anugerah APMITTA peringkat antarabangsa yang dijadual diadakan tahun depan.

(END)